



AHLI Parlimen Ampang, Zuraida Kamaruddin. - Foto Mohamad Shahril Badri Saali

Zuraida tekad teruskan usaha di KPKT

Oleh Safeek Affendy Razali

KUALA LUMPUR: Ahli Parlimen Ampang, Zuraida Kamaruddin, bertekad meneruskan usaha yang dilakukannya ketika menjadi Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sebelum ini, apabila dilantik semula ke jawatan sama dalam Kabinet baharu.

Katanya, beliau akan terus memberi jaminan dan berusaha membantu rakyat, terutama dalam memperkasakan pembangunan mampan di bandar, selain menerajui program perumahan, perkhidmatan perbandaran serta kebombaian dan penyelamatan.

“Langkah ini bertujuan meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat demi membantu golongan kurang berkemampuan, terutama kumpulan B40, menerusi kerjasama agensi kerajaan serta pihak swasta.

“Melalui strategi dan pelan tindakan sudah dirangka sebelum ini, saya berharap semua pihak dapat memberi kerjasama serta berusaha memastikan apa yang dirancang berjalan dengan lancar,” katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Zuraida juga berharap, usaha itu dapat memberi faedah kepada rakyat secara langsung menerusi penyampaian perkhidmatan oleh kementeriannya kelak.

“Saya percaya, KPKT akan terus memberikan perkhidmatan cemerlang dalam memastikan setiap pembaharuan dapat dirasai semua rakyat di negara ini.

“Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, atas kepercayaan yang diberikan ini,” katanya.